

07/09/2000

Panduan Internet bagi pelajar disediakan

KUALA LUMPUR, Rabu - Garis panduan mengenai penggunaan Internet oleh pelajar ketika di sekolah sudah dikeluarkan Kementerian Pendidikan bagi melahirkan pelajar yang berfikiran kreatif dan kritikal dalam memilih maklumat.

Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Seri Dr Abdul Shukor Abdullah, berkata kurikulum KBSM dan KBSR yang sudah lama dilaksanakan, turut mengajar pelajar membuat keputusan dengan bijak.

"Garis panduan itu bertujuan untuk melatih pelajar memilih maklumat penting dalam Internet, apa yang fakta dan apa yang bukan fakta," katanya kepada pemberita pada majlis menandatangani perjanjian persefahaman antara TV3 dan kementerian mengenai kejohanan ragbi bawah 15 tahun tujuh sebelah sekolah-sekolah Malaysia, di sini hari ini.

Pada majlis itu, Abdul Shukor mewakili kementerian, manakala TV3 diwakili Pengarah Urusannya, Hisham Abdul Rahman.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika bercakap kepada media Malaysia di Chicago, Amerika Syarikat pada Isnin, kesal kerana rakyat Malaysia lebih gemar menggunakan Internet untuk menyebarkan dan mendapatkan maklumat yang bukan-bukan.

Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob, yang mengulas kenyataan Perdana Menteri itu semalam berkata, pelajar perlu diberi kesedaran mengenai faedah dan keburukan penggunaan Internet.

Abdul Shukor berkata, kurikulum KBSM dan KBSR pula diserapkan pelajaran pemikiran kritis yang bertujuan mengajar pelajar membuat keputusan dengan bijak.

Mengenai persiapan untuk mengumumkan keputusan SPM seawal-awalnya Februari tahun depan, beliau berkata, kementerian akan menyediakan infrastruktur dan jumlah pemeriksa yang cukup untuk menentangi tarikh keputusan peperiksaan itu.

Beliau berkata, jumlah pemeriksa yang akan menandatangani kertas peperiksaan itu perlu mencapai bilangan yang sesuai dengan proses pengukuhan infrastruktur pentadbiran yang kini dibuat Lembaga Peperiksaan.

Mengenai kejohanan ragbi itu pada 11 dan 12 November depan di Stadium MPPJ, Kelana Jaya, Shukor berkata, ragbi dipilih kerana ia adalah permainan yang berdisiplin, memerlukan latihan yang intensif dan dapat membentuk personaliti dari segi ketahanan dan sikap tolak ansur terutama di kalangan remaja lelaki.

"Pada usia yang masih remaja, tenaga berlebihan mereka dapat disalurkan dalam saluran yang betul iaitu melalui sukan ini dan bukan seperti memecahkan kerusi, merosakkan tandas sekolah seperti yang berlaku sekarang ini," katanya.

Hisham pula berkata, persefahaman ini adalah kesinambungan daripada kerjasama menjayakan Pertandingan Pancaragam Sekolah-Sekolah peringkat kebangsaan yang disiarkan secara langsung oleh TV3 pada Julai lalu dan disaksikan seramai 1.4 juta penonton.

(END)